

TINGKATAN 4 - BAB 6 – ANCAMAN KOMUNIS DAN PERISYTIHARAN DARURAT

6.1 Kemasukan Pengaruh Komunis di Negara Kita

1 **Penyebaran ideologi komunis dari China dan Indonesia menyebabkan terdapat penduduk yang terpengaruh dengan fahaman komunis.**

Apakah yang anda faham tentang 'Komunisme'?

Karl Marx	Komunisme ialah ideologi yang diasaskan oleh Karl Marx dan Friedrich Engels - karya Communist Manifesto dan Das Kapital.
Anut	Perkataan komunis membawa maksud orang yang menganut fahaman komunis.
Fahaman	Komunisme ialah suatu fahaman politik.
Milik	Menjadikan ekonomi dan barang pengguna sebagai milik negara.
Sebar	Percubaan untuk menyebarkan ideologi komunis di negara kita bermula sejak tahun 1920-an.
Negara	Pada masa itu, terdapat dua buah negara yang terlibat dalam penyebaran fahaman komunis, iaitu China dan Indonesia.

2 **Terangkan kemasukan pengaruh komunis ke negara kita.**

(i) Dari China

1920	Ideologi komunis mula dibawa masuk ke negara kita sejak awal tahun 1920-an.
KMT	Melalui cawangan Parti Kuomintang (KMT) yang beribu pejabat di China.
Cawangan	Menjelang tahun 1924, cawangan KMT ditubuhkan pada hampir setiap bandar di negeri Melayu.
Sebar	Bagi menyebarkan pengaruh komunis.
Bandar	Antara bandar tersebut termasuklah Muar, Melaka, Seremban, Klang, Kuala Lumpur dan Sungai Petani.
Main School	Selain KMT, terdapat sebuah lagi pertubuhan, iaitu Main School yang bergerak dalam kalangan orang Hailam di bawah arahan Parti Komunis China (PKC).
Pecah	Pada tahun 1927, perpecahan berlaku antara Parti KMT dengan PKC.
Arah	The Communist International (Comintern) yang berpusat di Moscow mengarahkan penubuhan Parti Komunis Nanyang (PKN) pada tahun 1928.
Gagal	PKN gagal mencapai matlamatnya.
Tubuh	Keadaan ini mendorong Comintern mengarahkan penubuhan parti baharu, iaitu Parti Komunis Malaya (PKM).

(ii) Dari Indonesia

Sebar	Pada tahun 1920, beberapa orang pemimpin komunis dari Indonesia seperti Tan Malaka, Alimin, Moeso, Boedisoejitro, Hasanoesi, Winanta, Soebakat dan Sutan Perpateh menyebarkan fahaman komunis di Seberang Perai, Pulau Pinang, Perak Utara dan Kedah.
Buka	Kegagalan Partai Komunis Indonesia (PKI) menguasai Pulau Jawa (1926) menyebabkan PKI berusaha untuk membuka cawangan di Tanah Melayu.
Tiada sambutan	Namun begitu, usaha mereka tidak mendapat sambutan daripada orang Melayu kerana komunis menggunakan kekerasan untuk mencapai matlamat mereka.

3 **Penyebaran ideologi komunis dari China dan Indonesia menyebabkan terdapat penduduk yang terpengaruh dengan fahaman komunis.**

Cadangkan langkah-langkah untuk menghalang pengaruh luar yang boleh menggugat kedaulatan negara. Kemukakan alasan anda.

Waspada	Berwaspada dengan budaya asing
Kawal	Kawal filem-filem asing yang terdapat adegan melampau – hiburan keterlaluan / mudah mempengaruhi generasi muda
Pengaruh	Kawal kewangan negara daripada dipengaruhi Barat
Bantuan	Elakkan terlalu bergantung kepada bantuan asing – cth: ekonomi
Campur tangan	Elakkan campur tangan negara luar dalam politik negara

Senjata	Elakkan negara menjadi tempat ujian senjata negara luar
Patuh	Sentiasa mematuhi peraturan antarabangsa – berpegang kepada resolusi PBB
Teguh	Berpegang teguh ajaran agama / nilai – elak amalkan gaya hidup ala Barat
Rasional	Masyarakat amalkan sikap matang dan rasional – bijak menilai – tidak mudah dipengaruhi

4 Parti Komunis Malaya atau singkatannya PKM ialah sebuah pertubuhan yang diasaskan di Tanah Melayu pada tahun 1930. Pertubuhan ini menentang penjajahan British yang ketika itu sedang memerintah Tanah Melayu.

Bagaimanakah Parti Komunis Malaya (PKM) ditubuhkan di negara kita?

Kuala Pilah	Pada 30 April 1930, Parti Komunis Malaya (PKM) ditubuhkan di Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
Kesatuan	PKM bergerak melalui kesatuan sekerja, pertubuhan, penerbitan akhbar dan sekolah Cina.
Menyusup	Seterusnya, PKM menyusup ke dalam Kesatuan Sekerja untuk mengukuhkan pengaruh komunis.

5 Apakah yang dilakukan oleh Parti Komunis Malaya pada zaman pendudukan Jepun (1941-1945)?

Kerjasama	Menjalinkan kerjasama dengan British dalam usaha memerangi Jepun.
Bentuk	Membentuk Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA) atau Bintang Tiga pada tahun 1942.
Terima	Menerima bantuan senjata, latihan, kewangan, bekalan logistik dan perubatan daripada pihak British.

6 Bagaimanakah Parti Komunis Malaya meluaskan pengaruhnya di negara kita?

Kosong	Selepas Jepun menyerah kalah, kekosongan politik berlaku di Tanah Melayu.
Lewat	Disebabkan oleh kelewatan British kembali ke Tanah Melayu.
Peluang	Keadaan ini memberikan peluang kepada PKM untuk meluaskan pengaruhnya.

7 Parti Komunis Malaya (PKM) semakin luas pengaruhnya selepas Jepun menyerah kalah dalam Perang Dunia Kedua.

Pada pendapat anda, sejauh manakah PKM berpengaruh pada ketika itu? Berikan hujah anda.

Hutan	Bintang Tiga PKM melalui MPAJA keluar dari hutan dan melakukan kekacauan.
Kejam	Mereka melakukan kekejaman dan pembunuhan terhadap orang Melayu, Cina dan India yang didakwa pernah bersubahat dengan Jepun.
Bubar	Apabila BMA mengambil alih pentadbiran di Tanah Melayu, MPAJA dibubarkan pada 1 Disember 1945.
Benar	PKM dibenarkan bergerak sebagai sebuah pertubuhan yang sah di Tanah Melayu.
Peluang	Keadaan ini memberikan peluang kepada PKM untuk mempengaruhi beberapa pertubuhan tertentu dengan ideologi komunis.
Menyusup	Seterusnya, PKM menyusup dalam kesatuan sekerja, iaitu Pan-Malayan Federation of Trade Unions (PMFTU).
Kuasai	Disember 1947 hingga 1948, komunis berjaya menguasai 335 kesatuan sekerja dan menyusup dalam PKMM, MDU dan PUTERA-AMCJA.
Ordinan	Oleh sebab pergerakan komunis mengancam ekonomi dan keselamatan negara, maka British bertindak meluluskan Trade Union Ordinance No. 9 of 1948.
Sekat	Ordinan ini menyekat pengaruh komunis dalam kesatuan sekerja.
Haram	Akhirnya mengharamkan PKM.

6.2 Ancaman Komunis di Negara Kita

- 1 **Penyebaran ideologi komunis dari China dan Indonesia menyebabkan terdapat penduduk yang terpengaruh dengan fahaman komunis. Ideologi ini berkembang dalam kesatuan sekerja. Selepas Perang Dunia Kedua, berlaku kekosongan politik di Tanah Melayu yang membuka peluang kepada PKM untuk menyebarkan fahamannya. PKM kemudiannya diharamkan oleh British.**

Bagaimanakah Gerakan Komunis Antarabangsa memberi kesan terhadap perjuangan PKM di negara kita?

Anjur	Gerakan Komunis Antarabangsa telah menganjurkan dua persidangan di Calcutta, India.
Sidang	Persidangan Kongres Belia Asia berlangsung pada 19 Februari 1948 hingga 25 Februari 1948, manakala Persidangan Parti Komunis India diadakan pada bulan Mac 1948.
Hantar Gesa	PKM turut menghantar wakil ke persidangan tersebut. Dalam persidangan tersebut, pengikut komunis di kawasan yang dijajah digesa supaya memperhebat perjuangan menentang kuasa imperialis di setiap negara Asia.
Keputusan	Berikutan daripada itu, Jawatankuasa Eksekutif Pusat PKM telah mengambil keputusan untuk melancarkan perjuangan bersenjata bagi menubuhkan Republik Kornunis di Tanah Melayu.
Darurat	Tindakan komunis melancarkan perjuangan bersenjata menyebabkan British mengisytiharkan darurat.
Lumpuh	PKM meneruskan tindakan melumpuhkan ekonomi dan infrastruktur serta mengancam keselamatan rakyat.

- 2 **British mengisytiharkan darurat di Tanah Melayu pada 18 Jun 1948.**

(i) Mengapakah British bertindak demikian?

Bunuh	Pada 16 Jun 1948, komunis membunuh tiga orang pengurus ladang Eropah di Sungai Siput, Perak - Arthur Walker, pengurus Ladang Ephil, John Allison, pengurus Ladang Phin Soon dan pembantunya Ian Cristian.
Isytihar	Berikutan dengan peristiwa tersebut, Sir Edward Gent, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu mengisytiharkan darurat.
Darurat	Undang-Undang Darurat dilaksanakan di kawasan tertentu di negeri Perak seperti di Ipoh dan Sungai Siput serta di Johor yang merangkumi daerah Muar, Kluang, Kulai dan Plentong.

(ii) Adakah darurat hanya diisytiharkan di kawasan tertentu sahaja?

Tidak	Darurat tidak hanya diisytiharkan di Kawasan tertentu sahaja.
Diperluas	Pada 17 Jun 1948, Undang-Undang Darurat ini diperluas meliputi keseluruhan negeri Perak dan Johor.
Kuat kuasa	Seterusnya, pada 18 Jun 1948, undang-undang ini dikuatkuasakan ke seluruh Tanah Melayu.
Usaha	Dengan itu, usaha membanteras ancaman komunis di Persekutuan Tanah Melayu bermula dengan rasminya.

- 3 **Undang-Undang Darurat dikuatkuasakan ke seluruh Tanah Melayu pada 18 Jun 1948. Tindakan British ini sangat wajar dilaksanakan dan perlu disokong.**

Berikan hujah anda

Kekang	Mengekang penyebaran fahaman komunis
Elak	Mengelakkan pengaruh komunis berleluasa
Lindung	Melindungi orang awam
Putus	Memutuskan bantuan kepada komunis
Ekonomi	Melindungi ekonomi negara
Keselamatan	Memastikan keselamatan negara terjamin
Cepat	Mempercepatkan kemerdekaan Tanah Melayu
Tegang	Mengatasi masalah ketegangan antara kaum

4 Undang-Undang Darurat dikuatkuasakan pada 1948 di seluruh Tanah Melayu, namun komunis tetap meneruskan aktiviti menggugat keamanan dan kestabilan negara.

Apakah faktor yang menyebabkan komunis terus berjuang mencapai matlamatnya?

- Gesa** Gerakan Komunis Antarabangsa menggesa pengikut komunis di kawasan yang dijajah supaya memperhebat perjuangan menentang kuasa imperialis di setiap negara Asia.
- Republik** Komunis cuba mewujudkan sebuah kerajaan republik komunis di Tanah Melayu.

5 Komunis mencetuskan huru-hara di seluruh negara agar penduduk hilang keyakinan terhadap British. Apakah yang komunis lakukan?

- Lumpuh** Melumpuhkan ekonomi negara – menyerang lombong bijih timah dan merosakkan pokok getah, kilang estet, rumah asap, rumah kongsi, kedai dan sekolah serta membunuh pekerja.
- Rosak** Merosakkan infrastruktur - mensabotaj kemudahan asas, terutama sistem pengangkutan dan perhubungan.
- Ancam** Mengancam keselamatan rakyat - mengugut, mensabotaj, menyerang, melakukan kekejaman, menganiaya, menculik, merampas, membakar harta benda dan membunuh penduduk yang enggan bekerjasama.
- Serang** Mengancam pasukan keselamatan - menyasarkan pasukan keselamatan dan menyerang balai polis - mencetuskan huru-hara

6 Pada pendapat anda, apakah kesan daripada tindakan komunis di atas terhadap rakyat dan negara? Kemukakan alasan anda.

- Huru-hara** Rakyat hidup dalam keadaan huru-hara - pembunuhan sentiasa berlaku
- Takut** Komunis sentiasa mengancam keselamatan penduduk - hidup dalam ketakutan
- Tidak stabil** Keadaan politik negara tidak stabil - kerajaan terpaksa memberi tumpuan kepada ancaman komunis
- Meleset** Negara mengalami kemelesetan ekonomi - ekonomi mundur
- Jejas** Sistem pengangkutan dan perhubungan terjejas

6.3 Usaha menangani Ancaman Komunis

1 Beberapa usaha telah diambil British bagi menangani ancaman komunis seperti penguatkuasaan Undang-Undang Darurat dan pemerkasaan pasukan keselamatan.

Bagaimanakah penguatkuasaan Undang-Undang Darurat dilaksanakan?

- Tahan** Menahan sesiapa sahaja yang disyaki terlibat dalam pergerakan komunis tanpa sebarang perbicaraan.
- Hukum** Mengenakan hukuman berat kepada sesiapa sahaja yang membantu komunis.
- Ketat** Mengetatkan undang-undang senjata api dengan mengenakan hukuman mati terhadap mereka yang membawa senjata api dan bahan letupan.
- Geledah** Menggeledah rumah kediaman, memagar kampung, mengadakan perintah berkurung, mewujudkan Kampung Baru dan memindahkan serta menempatkan penduduk.
- Haram** Mengharamkan PKM dan parti politik berfahaman radikal. Antaranya termasuklah AWAS, Ikatan Pembela Tanah Air (PETA), Pemuda Radikal Melayu (PERAM), PKMM dan Hizbul Muslimin.
- Tangkap** Menangkap pemimpin gerakan radikal seperti Ahmad Boestamam, Ishak Haji Muhammad, Abu Bakar al-Baqir dan Khatijah Sidek.

2 British memperkasakan pasukan keselamatan untuk membanteras kegiatan komunis. Jelaskan bidang tugas pasukan berikut.

(i) Polis

- Cawangan Khas** Merisik operasi PKM, menyamar untuk mendapatkan maklumat, mengambil ramai ahli Cina untuk menjejak kubu komunis.
- Special Constables (SC)** Mengawal ladang dan kawasan lombong, menjadi barisan hadapan hadapi ancaman komunis.
- Polis Hutan** Memburu komunis, membuat rondaan di pinggir hutan, membawa bekalan

	makanan kepada pasukan yang bertugas di dalam hutan dan menjaga kubu (jungle fort).
Polis Wanita	Melatih anggota baharu dan menyusun pasukan polis wanita – contoh: Barbara D.R. Wentworth merupakan pegawai polis wanita yang pertama.
Senoi Praaq (Urang Perang)	Ditugaskan mengesan tempat persembunyian komunis di dalam hutan - anggotanya terdiri daripada Orang Asli suku Senoi, Semai dan Temuan - lebih dikenali sebagai "The Silent Killers".
Auxiliary Police (AP)	Mempertahankan bandar dan kampung daripada serangan komunis, membantu polis menentang ancaman komunis.

(ii) Tentera dan Home Guard

Pasukan Askar Melayu	Membanteras gerila komunis di dalam hutan.
Pasukan Askar Komanwel Sarawak Rangers	Membantu memerangi komunis. Terdiri daripada orang Iban - tugas mereka menjejak persembunyian komunis di dalam hutan.
Home Guard (Pasukan Pengawal Kampung)	Membantu menyekat pergerakan bekalan makanan dan ubatan daripada jatuh ke tangan komunis - membantu mengamankan kampung dan melindungi pekerja lombong bijih timah daripada serangan komunis.

3 Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu mengukuhkan pertahanan negara kita? Berikan hujah anda.

Kedaulatan	Mengekalkan kedaulatan negara
Keselamatan	Meningkatkan keselamatan negara
Ancaman	Melindungi rakyat dari ancaman luar
Imej	Meningkatkan imej / maruah negara
Aset	Mempunyai aset-aset penting yang setanding dengan negara lain
Pelabur	Memberi keyakinan kepada pelabur dan pelancong untuk ke negara kita
Keupayaan Saing	Meningkatkan tahap keupayaan pertahanan negara Mampu berdaya saing dengan negara luar

4 Selain daripada Undang-Undang Darurat dan pemerksaan pasukan keselamatan, British juga memperkenalkan beberapa usaha lain bagi menangani ancaman komunis di negara kita. Apakah rasional sistem pendaftaran kebangsaan dan penggunaan kad pengenalan pada 23 Julai 1948 diperkenalkan?

Kawal	Mengawal pergerakan penduduk.
Beza	Memudahkan pihak keselamatan membezakan orang awam dengan komunis.
Daftar	Setiap lelaki, wanita dan kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke atas dikehendaki mendaftarkan diri dengan pihak berkuasa.
Bawa	Orang awam dikehendaki membawa kad pengenalan ke mana-mana sahaja.

5 Rancangan Briggs dilancarkan oleh Sir Henry Gurney pada tahun 1950. Apakah tujuan rancangan ini diperkenalkan?

Pengarah	Sir Harold Rowdon Briggs sebagai Pengarah Operasi.
Putus	Tujuan utama langkah ini adalah untuk memutuskan hubungan PKM dengan Min Yuen yang membekalkan makanan, senjata, maklumat dan ubat-ubatan kepada PKM.
Lemah	Langkah berkesan untuk melemahkan pergerakan komunis.

6 Mengapakah Min Yuen (Organisasi Massa) dianggap sebagai ancaman kepada British?

Bekal	Min Yuen ditubuhkan untuk mendapatkan bekalan makanan dan wang kepada komunis.
Peras ugut	Min Yuen juga melakukan peras ugut, merompak, menjalankan kegiatan propaganda, melakukan perisikan dan sabotaj, merekrut ahli baharu serta membantu dalam menjalankan kegiatan politik.
Malam	Min Yuen beroperasi pada sebelah malam dan bergerak dalam kalangan rakyat tanpa senjata api.

- 7 Pada pendapat anda, sejauh manakah pelaksanaan Rancangan Briggs merupakan langkah berkesan untuk melemahkan pergerakan komunis? Beri hujah anda.**
- Putus** Memutuskan hubungan PKM dengan Min Yuen.
- Pindah** Penduduk setinggian di pinggir hutan dipaksa berpindah ke sebuah petempatan baharu sebagai kawasan penempatan semula - "Kampung Baru".
- Lengkap** Dilengkapi kemudahan tempat tinggal, bekalan elektrik, air paip, sekolah, kemudahan kesihatan, kemudahan pusat komuniti dan rumah ibadat.
- Tubuh** Jawatankuasa kampung ditubuhkan untuk memelihara dan memperbaiki kemudahan di Kampung Baru.
- Pagar** Kawasan juga dipagari dengan kawat berduri dan dikawal oleh Special Constables.
- Ribu** Sehingga bulan Mac 1952, lebih daripada 423 ribu orang penduduk di pinggir hutan dipindahkan ke 410 buah Kampung Baru.
- Catu** Catuan makanan dibuat kerana sebahagian daripada penduduk Tanah Melayu (orang Cina) adalah anggota pergerakan bawah tanah yang dilabelkan sebagai Min Yuen.
- Lemah** Usaha berkesan melemahkan pergerakan komunis.
- 8 Pelbagai usaha dilakukan kerajaan untuk membanteras komunis dan mengembalikan keamanan negara kita seperti tawaran pengampunan, kempen Bulan Rakyat Melawan Penjahat dan perintah berkurung. Bagaimanakah kerajaan menyiarkan syarat tawaran pengampunan?**
- 1949** Pada 6 September 1949, Sir Henry Gurney mengisytiharkan pengampunan kepada komunis supaya menyerah diri.
- Radio** Setiap hari Radio Malaya menyiarkan syarat tawaran pengampunan
- Poster** Poster juga ditampal di merata-rata tempat - sebanyak 40 juta risalah dan 12 juta pas pengampunan diedarkan dalam bahasa Cina, Melayu dan Tamil.
- Risalah** Penyebaran risalah ini dilakukan dalam pelbagai cara termasuklah disebarikan melalui pengangkutan udara.
- Iklan** Iklan dan wayang gambar digunakan untuk membantu penduduk memujuk anggota komunis supaya menyerah diri.
- 9 Perintah berkurung merupakan tindakan melarang penduduk keluar dari rumah dalam tempoh tertentu bagi membolehkan pasukan keselamatan menjalankan operasi dengan lebih berkesan. Terangkan cara pelaksanaannya.**
- Labis** Pada bulan Jun 1951, penduduk di kawasan Labis, Johor, dikenakan perintah berkurung.
- Buru Enggan** Untuk membolehkan pasukan keselamatan menjalankan operasi memburu komunis. Perintah berkurung dikenakan terhadap penduduk yang enggan bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk membanteras ancaman komunis
- Contoh** Contohnya, pada bulan Mac 1952, penduduk Tanjung Malim dikenakan perintah berkurung selama 22 jam untuk mengelakkan mereka berhubung dengan komunis.
- Serang** Tindakan ini dibuat apabila 40 orang komunis menyerang sekumpulan pekerja yang dihantar untuk membaiki paip air - mengorbankan 12 nyawa.
- Tanjung Malim** Pada 27 Mac 1952, Sir Gerald Templer (Templer) tiba di Tanjung Malim untuk memaklumkan penduduk tentang hukuman terhadap sikap mereka yang enggan memberikan sebarang maklumat tentang gerakan komunis kepada kerajaan.
- 10 Pada 22 Disember 1949, Majlis Perundangan Persekutuan mengisytiharkan kempen "Bulan Rakyat Melawan Penjahat". Pada pendapat anda, adakah kempen ini berjaya mencapai matlamat? Beri hujah anda.**
- Berjaya** Kempen tersebut berjaya melibatkan rakyat berbilang kaum yang bekerjasama menentang komunis.
- Seru** Penduduk berbilang kaum diseru supaya mendaftarkan diri secara sukarela dengan pihak berkuasa.
- Cecah** Menjelang bulan Mac 1950, jumlah sukarelawan telah mencecah ke angka 435 905 orang.
- Sukarelawan** Sukarelawan ini terdiri daripada penduduk lelaki dan wanita daripada pelbagai sektor termasuklah golongan profesional.

Galak Pelaksanaan kempen tersebut dapat menggalakkan interaksi dan mengeratkan hubungan antara kaum.

11 Sebagai generasi muda negara, apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh kerajaan dalam usaha mewujudkan perpaduan kaum di Malaysia?

Kemukakan alasan anda.

Pendidikan Memperkasa sistem pendidikan kebangsaan – tingkatkan mutu pendidikan
Bahasa Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar
Media Menggunakan media massa untuk perpaduan
Perayaan Mengadakan sambutan perayaan
Budaya Mengadakan pelbagai program kebudayaan – aktiviti kemasyarakatan
Terbuka Menjadikan minda rakyat kelas pertama – berfikiran terbuka

12 Perang saraf ialah rancangan yang dilaksanakan oleh British untuk menghapuskan komunis melalui usaha memenangi hati dan fikiran rakyat.

Bagaimanakah usaha tersebut dilakukan?

Lawatan Mengadakan lawatan - Sir Gerald Templer - ke sekolah, kampung, hospital, dispensari, bilik operasi, pondok polis, unit pasukan keselamatan, buruh, lombong, estet, Kampung Baru dan Kampung Melayu.
Longgar Melonggarkan syarat kewarganegaraan - menarik kaum bukan Melayu menjadi rakyat Tanah Melayu - langkah ini penting untuk mewujudkan bangsa yang bersatu.
Pilihan raya Mengadakan pilihan raya Majlis Perbadaran Kuala Lumpur – bertujuan menggalakkan penyertaan orang bukan Melayu dalam politik dan mendapatkan sokongan untuk menentang komunis.
Hadiah Menawarkan hadiah wang tunai - kepada penduduk yang dapat menangkap atau memberikan maklumat tentang gerila komunis - contohnya, sesiapa yang berjaya menangkap Chin Peng, pemimpin PKM sama ada hidup atau mati akan diberikan hadiah sebanyak \$250 ribu.
Orang Asli Memenangi kepercayaan Orang Asli - mendirikan 14 kubu - menyediakan kemudahan barangan keperluan harian, perubatan, pendidikan dan perlindungan - supaya mereka menyokong kerajaan dalam usaha menghapuskan komunis.
Penerangan Memajukan perkhidmatan penerangan - Jabatan Penerangan dan Perkhidmatan Radio Malaya dijadikan medium untuk menimbulkan kesedaran - menyebarkan risalah antikomunis kepada penduduk dan risalah kerajaan kepada komunis di dalam hutan.
Kawasan Memperkenalkan kawasan hitam dan kawasan putih - kawasan hitam terdapat kegiatan komunis yang aktif dan dikenakan perintah berkurung - kawasan putih diisytiharkan bebas daripada ancaman komunis.

13 Sejauh manakah perang saraf berjaya memujuk rakyat berbilang kaum supaya bersatu dan membanteras ancaman komunis? Kemukakan hujah anda.

Lawatan Sir Gerald Templer mengadakan sebanyak 142 lawatan ke kawasan terpilih – mendampingi rakyat untuk mengetahui masalah – tubuhkan cawangan Palang Merah, Pandu Puteri dan pusat komuniti
Longgar Melonggarkan syarat kewarganegaraan – dapat menarik kaum bukan Melayu – contoh tahun 1952 seramai 1.2 juta orang Cina dan 180 ribu orang India layak menjadi warganegara
Pilihan raya Mengadakan pilihan raya Majlis Perbadaran Kuala Lumpur – mendapat penyertaan orang bukan Melayu dalam politik – tujuan menentang komunis
Orang Asli Memenangi kepercayaan Orang Asli – memenangi kepercayaan mereka – menyokong kerajaan – menghapuskan komunis – membina kubu dan pelbagai kemudahan disediakan
Penerangan Memajukan perkhidmatan penerangan – menyebarkan risalah antikomunis kepada penduduk dan risalah kepada komunis di dalam hutan
Kawasan Memperkenalkan kawasan hitam dan kawasan putih – tahun 1954 sebanyak 5 buah negeri sebagai kawasan putih
Kerjasama Berjaya mendapat kerjasama daripada rakyat pelbagai kaum

14 Kerajaan berusaha membanteras ancaman komunis melalui pelbagai kaedah seperti dalam perang saraf. Kejayaan ini mencerminkan kerjasama antara rakyat dengan kerajaan amat penting dalam usaha mempertahankan tanah air.

Apakah iktibar yang boleh diambil daripada semangat kerjasama ini? Kemukakan hujah anda.

Perpaduan	Mengutamakan perpaduan – bersemangat kebersamaan
Kerjasama	Mementingkan semangat bekerjasama – bertoleransi – saling menghormati – rakyat dan pemimpin bersatu
Junjung Kongs	Menjunjung institusi beraja – taat setia kepada raja dan negara Sanggup berkongsi kuasa – demi keselamatan negara dan rakyat – utamakan kepentingan negara
Rasional Sokong	Sentiasa berfikiran rasional – bijak mengatur strategi Menyokong penuh usaha kerajaan
Tolak	Menolak isu-isu negatif demi mencapai matlamat

15 Pada 28 Disember 1955, bagi menamatkan ancaman komunis dan mencapai kemerdekaan satu pertemuan telah diadakan di Sekolah Inggeris, Baling, Kedah. Siapakah yang terlibat dalam Rundingan Baling?

(i) Wakil Persekutuan Tanah Melayu

Tunku Abdul Rahman
Tan Cheng Lock
David Marshall

(ii) Wakil PKM

Rashid Maidin
Chin Peng
Chen Tien

16 Apakah peristiwa yang berlaku sebelum Rundingan Baling berlangsung?

Perikatan	Pada bulan Julai 1955, Kerajaan Perikatan berjaya dalam pilihan raya di Tanah Melayu.
Risalah	Pada bulan September 1955, kerajaan menabur 40 juta risalah "Tawaran Menyerah Diri" serta 12,000 pas pengampunan beramai-ramai ke dalam hutan melalui kapal terbang.
Surat	Sepucuk surat dihantar oleh Parti Komunis Malaya dan ditandatangani oleh Ng Heng dari Kampung Kelian Intan, Keroh di Perak.
Tawaran	Surat itu menyatakan tawaran rundingan kepada Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman.
Chin Peng	Ng Heng sebenarnya ialah nama samaran Chin Peng.

17 Pada pendapat anda, bagaimanakah rundingan kedua-dua pihak berlaku?

Kemukakan hujah anda.

Proses	Proses rundingan antara Kerajaan Perikatan dengan PKM kemudian berlangsung selama dua hari pada 28 dan 29 Disember di Baling, Kedah.
Minta	Tunku Abdul Rahman meminta Chin Peng membubarkan PKM, meletakkan senjata dan menyerah diri.
Tetap	Chin Peng pula menetapkan syarat, iaitu peletakan senjata dan penyerahan diri akan dibuat seandainya kerajaan bersetuju mengakui PKM sebagai sebuah parti politik yang sah.
Enggan	Tunku Abdul Rahman enggan menerima syarat tersebut dan menegaskan PKM perlu menyerah kalah.
Lemah	Kerajaan Perikatan dapati PKM sudah lemah - kerajaan dengan bantuan tentera negara-negara Komanwel hampir melumpuhkan pemberontakan bersenjata komunis di dalam hutan.
Tidak wajar	Rundingan dengan komunis yang mahu PKM diiktiraf sebagai sebuah parti bebas dianggap tidak wajar oleh Kerajaan Perikatan.

Tiada kata sepakat	Tiada kata sepakat dicapai selepas rundingan kerana PKM enggan menerima pelan damai kerajaan dan meneruskan gerakan bersenjata.
Tarik Gagal	Tunku telah menarik balik tawaran pengampunan pada bulan Februari 1956. Oleh hal yang demikian, rundingan tersebut telah menemui kegagalan.

18 Rundingan damai antara pihak kerajaan dengan komunis (PKM) pada 25 Disember 1955 yang telah diadakan di Baling, Kedah telah menemui kegagalan.

Mengapakah rundingan itu gagal?

Tiada kata sepakat	Tiada kata sepakat dicapai selepas rundingan kerana PKM enggan menerima pelan damai kerajaan dan meneruskan gerakan bersenjata.
Tidak wajar	Rundingan dengan komunis yang mahu PKM diiktiraf sebagai sebuah parti bebas dianggap tidak wajar oleh Kerajaan Perikatan.

19 Jelaskan syarat-syarat yang dituntut oleh pihak kerajaan dan pihak komunis.

(i) Pihak kerajaan

Bubar	Tunku Abdul Rahman meminta Chin Peng membubarkan PKM.
Letak	PKM perlu meletakkan senjata.
Serah	PKM mesti menyerah diri dan menyerah kalah.

(ii) Pihak PKM

Iktiraf	Meminta kerajaan mengiktiraf PKM sebagai sebuah parti politik yang sah.
Akui	Peletakan senjata dan penyerahan diri akan dibuat seandainya kerajaan bersetuju mengakui PKM sebagai sebuah parti bebas.

20 Bagaimanakah keadaan negara kita pada hari ini, sekiranya ancaman komunis tidak berjaya diatasi? Berikan hujah anda.

Huru-hara	Hidup dalam keadaan huru-hara
Bunuh	Pembunuhan sentiasa berlaku
Takut	Penduduk hidup dalam ketakutan
Ancam	Komunis sentiasa mengancam keselamatan penduduk
Tidak stabil	Keadaan politik tidak stabil
Tumpu	Kerajaan terpaksa memberi tumpuan kepada ancaman komunis
Meleset	Negara mengalami kemelesetan ekonomi / mundur ekonomi
Terhad	Peluang pekerjaan terhad
Jejas	Sistem pengangkutan dan perhubungan terjejas

CIKGUADIES